



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/06/40 (HQ)

### TNB TAJA BIASISWA RM1 BILLION UNTUK LEBIH 12,000 PELAJAR SEJAK 1993

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membiayai 130 lagi pelajar cemerlang baru-baru ini, menjadikan lebih 12,000 pelajar menerima manfaat Biasiswa Yayasan Tenaga Nasional (YTN) sejak 1993 dengan perbelanjaan keseluruhan hampir RM1 bilion.

Menerusi YTN, TNB berharap dapat membentuk dan melahirkan generasi berkualiti tinggi yang cemerlang dalam akademik di samping mempunyai bakat kepimpinan yang tinggi, kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan.

Pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2018 yang dianugerahi Biasiswa YTN kali ini terdiri daripada pelbagai latar belakang. Selain cemerlang pelajaran, penerima juga aktif dalam kegiatan kokurikulum.

“Faktor akademik dan kepimpinan penting dalam pemilihan para penerima biasiswa YTN. Pelajar terpilih ini mempunyai peluang untuk menjadi warga kerja TNB apabila tamat pengajian kelak dan diharapkan dapat menjadi pemimpin pelapis untuk menerajui TNB pada masa depan,” kata Amir Hamzah.

Beliau berucap pada Majlis Penganugerahan Biasiswa YTN 2019 di sini. Turut hadir Ketua Pegawai Insan, Dato’ Muhammad Razif Abdul Rahman; Ketua Pegawai Korporat, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman; Pengarah YTN, Dato’ Dr Shaari Md Nor serta pengurusan TNB yang lain.

Amir Hamzah juga berkata, selain biasiswa, YTN turut menyediakan siri-siri program pembangunan melalui Scholar Development Journey bagi membantu pelajar tajaannya mencapai kecemerlangan akademik di samping mempunyai kompetensi serta nilai dan prinsip yang tinggi.

Sementara itu, penerima Biasiswa YTN 2018, Mior Danial Hakeem Mior Md Salleh, 19, dalam ucapannya bagi mewakili para penerima berjanji akan memanfaatkan sepenuhnya tajaan YTN untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik dan kompetensi masing-masing.

“Kami berjanji tidak akan mensia-siakan peluang yang diberikan ini dan akan membuktikan bahawa pelajar tajaan YTN 2019, adalah contoh pelajar yang cemerlang dan gemilang dalam segenap aspek,” katanya yang menerima biasiswa Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Kuasa (Kepujian).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 14 Jun 2019, jam 5:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha’ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*